



OTHMAN ISHAK

## Othman dianugerah Profesor Kehormat

ALOR SETAR 23 Mei — Exco Kerajaan Negeri Kedah, Profesor Datuk Dr. Othman Ishak dianugerahkan Profesor Kehormat oleh Universiti Al Azhar, Mesir sebagai menghargai sumbangan beliau dalam bidang pendidikan.

Anugerah tersebut yang merupakan antara anugerah tertinggi dikeluarkan oleh universiti Islam terulung itu kepada tokoh-tokoh ilmuwan diserahkan kepada wakil Dr. Othman pada 6 Mei lalu.

Penganugerahan itu mengambil kira sumbangan Dr. Othman dalam mengasaskan Akademi Pengajian Islam di Universiti Malaya (UM), Institut Pengajian Islam Brunei dan menubuhkan Institut Agama Islam Negeri Kedah (Insaniah) serta pelantikan beliau sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Pembangunan Usahawan Negeri.

Dr. Othman ketika ditemui di pejabatnya di sini berkata, beliau gembira dengan penganugerahan tersebut yang merupakan antara anugerah tertinggi dikeluarkan oleh Al-Azhar kepada tokoh-tokoh yang mereka pilih.

“Insya-Allah saya akan meneruskan perkhidmatan untuk menabur jasa bakti mengikut kemampuan saya kepada agama, bangsa dan tanah air,” ujarnya.

Anugerah tertinggi itu merupakan kali kedua diterimanya selepas dianugerahkan Profesor Undang-Undang Islam daripada UM pada tahun 1985.